

Komunikasi Persuasif Dalam Politik Dan Penerimaan Generasi Yz di P091 Negeri Pahang

Persuasive Communication in Politics and the Acceptance of Generation Y in P091, Pahang State

Normarini Norzan
normarini@fbk.upsi.edu.my

Afiq Radzuan
Afiq.radzuan04@gmail.com

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

Received: 10 October 2025; Published: 12 December 2025

Cite this article (APA) as:

Norzan, N., & Radzuan, A. (2025). Komunikasi Persuasif Dalam Politik Dan Penerimaan Generasi Yz di P091 Negeri Pahang. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(2), 125 - 129.
Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/210>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti penerimaan pengundi muda Generasi YZ terhadap komunikasi persuasif dalam politik serta faktor yang mendorong mereka mengundi dalam Pilihan Raya Malaysia (PRU), dengan fokus kepada kawasan Parlimen P091 Rompin, Pahang. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti hubungan antara komunikasi persuasif dengan keupayaan mempengaruhi Generasi YZ serta faktor motivasi pengundian mereka. Kajian ini berpandukan Teori Instrumental of Persuasion oleh Kotler dan Armstrong (2008) dan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui edaran borang soal selidik. Seramai 310 responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan melibatkan tiga kawasan Dewan Undangan Negeri, iaitu N40 Bukit Ibam, N41 Muadzam Shah dan N42 Tioman. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29 melibatkan analisis statistik deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara komunikasi persuasif dalam politik dengan keupayaan mempengaruhi Generasi YZ serta faktor pendorong pengundian. Walaupun 87.0% responden menerima slogan dan dasar kerajaan, 69.0% cenderung untuk mengundi selain pihak kerajaan dalam PRU akan datang. Kesimpulannya, komunikasi persuasif memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan penyertaan politik pengundi muda. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman trend partisipasi politik generasi muda di Malaysia.

Kata kunci: Komunikasi persuasif; Generasi YZ, Penerimaan pengundi, Politik

ABSTRACT

This study examines the acceptance of persuasive political communication among Generation YZ voters and the factors influencing their voting behaviour in the Malaysian General Election (GE), focusing on constituency P091 Rompin, Pahang. The study aims to identify the relationship between persuasive communication and its ability to influence Generation YZ, as well as the

factors motivating their electoral participation. Guided by the Instrumental Theory of Persuasion proposed by Kotler and Armstrong (2008), a quantitative research approach was employed using a structured questionnaire. A total of 310 respondents were selected through purposive sampling from three state constituencies: N40 Bukit Ibam, N41 Muadzam Shah, and N42 Tioman. Data were analysed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 29, involving both descriptive and inferential statistical analyses. Pearson correlation results indicate a significant positive relationship between persuasive political communication, voting influence, and motivational factors among Generation YZ voters. Although 87.0% of respondents accepted government slogans and policies, 69.0% expressed a preference to vote for non-incumbent parties in the upcoming election. Overall, the findings highlight the important role of persuasive communication in shaping political attitudes and participation among young voters. This study contributes to a better understanding of youth political engagement trends in Malaysia.

Keywords: persuasive communication; Generation YZ; voter acceptance, politics

PENGENALAN

Pasca merdeka menyaksikan pertarungan geopolitik atau kuasa antara parti politik dalam pilihan raya untuk memperoleh kuasa bagi memerintah dan menentukan hala tuju negara. Pola sokongan atau sosiopolitik pengundi juga berubah-ubah atau turun naik pada setiap pilihan raya kerana faktor isu integriti, Pendidikan, kesihatan sejagat, kebajikan, kepimpinan dan keadaan ekonomi semasa. Pentingnya teori komunikasi persuasif terletak kepada kemampuan komunikator dalam menterjemahkan bicara kepada audiens dalam mewujudkan pemujukan atau persuasif bagi mempengaruhi orang lain. Kefahaman teori komunikasi persuasif, berupaya meningkatkan kemampuan untuk mempengaruhi orang lain dengan cara yang lebih efektif dan mengurangkan risiko terjadinya konflik atau kegagalan perundingan atau pemujukan.

Menurut (Hamdan, 2001) Kemahiran berkomunikasi menjadi semakin penting untuk menjalankan sistem politik demokrasi atau menuju demokrasi. Para pengkaji sudah menyedari pentingnya komunikasi dalam menyebarkan pengaruh terutama didalam sebuah negara demokrasi. Pentingnya komunikasi dalam politik mampu mewujudkan satu suasana yang dipanggil ‘‘rakyat mengawasi kepimpinan’’. Komunikasi ibarat aliran darah yang membawa oksigen dan zat makanan ke seluruh tubuh manusia iaitu komunikasi membawa gagasan, halatuju, matlamat politik ke seluruh komponen sistem politik yang membuat sistem itu bekerja.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan komunikasi persuasive dengan kemampuan mempengaruhi generasi YZ dan mengenal pasti faktor yang mendorong generasi YZ mengundi dalam Pilihan Raya Malaysia (PRU) di P091 Rompin, Pahang.

METODOLOGI KAJIAN

Oleh kerana kajian semasa dibangunkan untuk mengkaji komunikasi persuasif dalam membentuk pengaruh dan kesannya terhadap penerimaan generasi YZ dalam Pilihanraya Malaysia (PRU) bagi P091 Rompin negeri Pahang. Reka bentuk kajian deskriptif menggunakan pendekatan kuantitatif melalui silang kajian keratan dilihat sebagai strategi yang paling munasabah untuk mencapai matlamat belajar. Teknik penentuan dibuat berikutan mempertimbangkan beberapa perkara seperti, masa, usaha, had kos dan pengurusan dengan bilangan sampel yang banyak. Responden kajian adalah Generasi YZ yang merupakan pengundi berdaftar dan telah menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi di P091 Rompin Negeri Pahang. Pemilihan persampelan ini

berdasarkan pengalaman mereka dan rasa tanggungjawab terhadap negara dalam menentukan pemilihan pemerintah.

DAPATAN KAJIAN

Objektif pertama: Terdapat hubungan komunikasi persuasif dalam politik dengan kemampuan mempengaruhi generasi YZ. Berikut adalah Jadual pekali korelasi (r) yang merujuk kepada pemboleh ubah bebas seperti kajian responden iaitu “Dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk menjamin kesejahteraan rakyat” dan pemboleh ubah bersandar iaitu “Slogan Pahang Prihatin, Rakyat Makmur mampu membawa negeri Pahang ke arah negeri maju dan berkebakikan”.

Correlations			
		DASAR	SLOGAN
DASAR	Pearson Correlation	1	.243**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	310	310
SLOGAN	Pearson Correlation	.243**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	310	310

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 1: Hubungan antara faktor komunikasi persuasive dengan kemampuan mempengaruhi generasi YZ

Hasil ujian mendapati bahawa terdapat hubungan antara faktor komunikasi persuasive dengan kemampuan mempengaruhi generasi YZ ($r = 0.243$). Hubungan ini diterjemahkan sebagai hubungan yang kuat. Manakal nilai p ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada nilai signifikan yang digunakan dalam kajian ini ($p < 0.05$). oleh yang demikian, hipotesis dalam kajian ini diterima.

Objektif kedua: Terdapat hubungan positif antara faktor yang mendorong generasi YZ mengundi dalam pilihan raya Malaysia bagi P091 Rompin Pahang. Berikut adalah jadual 4.4.2 pekali korelasi (r) yang merujuk kepada pemboleh ubah bebas seperti kajian responden iaitu “saya mengkritik kesalahan pemimpin negara saya demi kebaikan negara” dan pemboleh ubah bersandar iaitu “saya akan mengundi dalam pilihan raya akan datang”.

Correlations			
		MENGKRITIK	PILIHAN
MENGKRITIK	Pearson Correlation	1	.214**
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	310	310
PILIHAN	Pearson Correlation	.214**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	310	310

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Jadual 2: hubungan antara faktor yang mendorong generasi YZ mengundi dalam pilihan raya

Hasil ujian mendapati bahawa terdapat hubungan antara faktor yang mendorong generasi YZ mengundi dalam pilihan raya ($r = 0.214$). Hubungan ini diterjemahkan sebagai hubungan yang kuat. Manakala nilai p ialah 0.001 iaitu lebih kecil daripada nilai signifikan yang digunakan dalam kajian ini ($p < 0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis dalam kajian ini diterima.

Daripada keseluruhan dapatan data yang diperolehi, dapatlah disimpulkan secara ringkas bahawa secara amnya, semua objektif kajian tercapai dan mempunyai analisa dapatannya. Secara keseluruhannya, hasil keputusan mencatatkan bahawa wujudnya perkaitan positif diantara komunikasi persuasive dalam politik dan penerimaan generasi YZ di P091 Rompin, Pahang.

RUMUSAN

Keputusan kajian ini juga adalah signifikasi dengan kajian oleh Dzulhaimi et al. (2015) menyatakan perhatian pengundi dalam PRU adalah penonjolan berita politik yang melibatkan isu korupsi dan nepotisme serta amalan rasuah dalam kalangan pemimpin negara. Ianya juga sinonim dengan kajian oleh Junaidi Awang Besar (2016) yang mana kajiannya mencatatkan bahawa seramai 73.6% responden bersetuju bahawa faktor penonjolan maklumat berkaitan politik dan prestasi mempengaruhi pola pengundian dalam PRU13. Hal ini kerana pengundi-pengundi muda amnya dipengaruhi oleh sumber-sumber maklumat yang terkandung di dalam laman media sosial. Tambahan lagi, kaedah penonjolan berita ditulis berunsurkan provokasi terhadap sesetengah ahli politik dalam aktiviti rasuah.

RUJUKAN

- Aliaga, M., & Gunderson, B. (2000). *Doing quantitative research in education with SPSS*. Sage Publications.
- Awang Besar, J. (2021). Evolusi dan dinamika geopolitik dan sosiopolitik gerakan politik di Malaysia (Vol. 18, No. 2). Theme: Society, Social Change and Development.
- BERNAMA. (2022, November 17). PRU15: Manifesto menarik, tapi bolehkah ditunai? Soal pengundi muda. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-politik/pru15-manifesto-menarik-tapi-bolehkah-ditunai-soal-pengundi-muda-391994>
- Hair, J., Page, M., Money, A., & Samouel, P. (2007). *Research methods for business*. John Wiley & Sons.
- Hamdan, Y. (2001). *Urgensi komunikasi pemasaran untuk partai politik di Indonesia*.
- Haroon, H. A., Rahim, N. A. A., Basir, N., & Zubir, Z. (2020). Illocutionary acts in Zahid Hamidi's PAU 2017 and 2018 speeches. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 20(2), 96–114. <https://doi.org/10.17576/gema-2020-2002-06>
- Hutajulu, N. (2021). *Pengaruh komunikasi persuasif paraaffiliate terhadap peningkatan jualan* (penerapan kognitif, afektif dan konatif). <http://digilib.mercubuana.ac.id/>
- Awang Besar, J. (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 32(1), 23–49.
- Jurkiewicz, C. L. (2000). Generation X and the public employee. *Public Personnel Management*, 29(1), 55–74. <https://doi.org/10.1177/009102600002900105>
- Kosmo. (2022, November 20). *PRU15: Senarai penuh keputusan Parlimen di Pahang*. <https://www.kosmo.com.my/2022/11/20/pru15-senarai-penuh-keputusan-parlimen-di-pahang/>
- Kustiawan, W., Ramadhani, K. R., Damanik, S. V., & Muharramsyah, A. (2022). Pengaruh iklan politik dalam mengambil aspirasi rakyat. *SIBATIK Journal*, 1(8), 1371–1380. <https://doi.org/10.54443/sibatik.v1i8.178>

- Mamat, M. R. (2022, December 5). *PRU-15: BN banyak tabur bakti di Tioman – Pengundi*. <https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2022/12/911561/pru-15-bn-banyak-tabur-bakti-di-tioman-pengundi>
- Mashudi, R., Rahmat, H., Sanudin, S. R., Suliman, S., & Musanif, A. M. (2017). Peraturan interaksi peristiwa komunikatif wawancara dalam akhbar. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(3), 70–85. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1703-05>
- Mohamed Noor Muhamad Nazri. (2020). Pilihan raya dan politik Malaysia pasca PRU 2018: Persaingan, dinamik dan implikasi. *Politics & Strategies Studies*, 47.
- Pahang Media. (2024). *Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2024* (1st ed., Vol. 1).
- Pandian, S. (2012). *Tingkah laku pengundi dalam pilihan raya: Satu kajian di kawasan Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Preston, C. C., & Colman, A. M. (2000). *Optimal number of response categories in rating scales*. University of Leicester.
- Semak, S. (2024). *MySPR Semak: Semakan keputusan pilihan raya*. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>
- Wright, J. D., Cobu, T., Berg, R. F., & Moldover, M. R. (2012). *Calibration of laminar flow meters for process gases*. *Flow Measurement and Instrumentation*, 25, 8–14. <https://doi.org/10.1016/j.flowmeasinst.2011.08.007>